

**TEKS UCAPAN MAJLIS PERASMIAN UTeMEX 2012**  
**Y.BHG NAIB CANSELOR**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM  
TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS

**Y.B. DATUK HAJI FADILLAH BIN YUSOF**  
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

**Y.BHG. PROF. DATO' MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI**  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

**Y.BHG. PROF. IR. DR. MOHD JAILANI BIN MOHD. NOR**  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,  
PANEL HAKIM DARIPADA INDUSTRI DAN UTeM  
PIHAK PENAJA, TETAMU MEDIA,  
PESERTA PERTANDINGAN, STAF DAN PARA PELAJAR UTeM  
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM  
SEJAHTERA”.

1. TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA SAMA-SAMA MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN HIDAYAHNYA DAPAT KITA BERHIMPUN DAN BERTEMU DALAM PROGRAM EXPO PENYELIDIKAN DAN INOVASI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEMEX 2012) .
2. UTeMEX 2012 ADALAH PROGRAM HASIL KERJASAMA DAN MUAFAKAT DI ANTARA SEMUA FAKULTI DAN PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI (CRIM). IA MENGHIMPUNKAN

PENYELIDIK UTeM YANG TERDIRI DARIPADA PELAJAR , AHLI AKADEMIK DAN STAF UNIVERSITI DARI PELBAGAI DISIPLIN ILMU PENGETAHUAN , PENGALAMAN DAN KEPAKARAN. GABUNGAN USAHA DAN KEILMUAN INI MEMPERLIHATKAN KEPELBAGAIAN HASIL CIPTA DAN REKABENTUK PRODUK PENYELIDIKAN DAN INOVASI DI UTEM YANG DIHIMPUNKAN DI BAWAH EMPAT BIDANG FOKUS UNIVERSITI.

3. PROGRAM UTeMEX ADALAH YANG JULUNG KALI DIADAKAN DENGAN TUJUAN UTAMA UNTUK MEMPERKASAKAN BUDAYA PENYELIDIKAN DAN INOVASI DI UTEM. PADA HARIINI SELURUH WARGA UTEM DIDEDEAHKAN KEPADA SITUASI SEBENAR “PAMERAN DAN PERTANDINGAN PRODUK PENYELIDIKAN” SECARA SISTEMATIK DAN MENYELURUH. IA MENJADI PLATFORM PERKONGSIAN DAN PENGEMBANGAN IDEA BARU BAGI PENGHASILAN PRODUK YANG BERIMPAK DAN BERPOTENSI UNTUK DIKOMERSILKAN.
4. BERTEMAKAN “INOVASI PEMACU TRANSFORMASI”, UTeMEX MEMBAWA SUNTIKAN SEMANGAT BERDAYA SAING DALAM DIRI SETIAP PESERTA DAN PENGUNJUNG UNTUK TERUS BERUSAHA KUAT MENINGKATKAN KEUPAYAAN, PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN DALAM BIDANG KEPAKARAN MASING-MASING AGAR MAMPU BERTANDING DAN SETANDING DENGAN KEUPAYAAN PENYELIDIKAN PERINGKAT GLOBAL.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

5. UNIVERSITI SENTIASA MEMPERTINGKATKAN KUALITI PENYELIDIKAN. KITA PERLU BERSIKAP PROAKTIF DAN KREATIF DALAM PENYELIDIKAN UNTUK MEMBERIKAN HASILAN YANG

MANTAP. PENYELIDIK PERLU BERFIKIRAN TERBUKA UNTUK MEMBOLEHKAN MINDA BERKEMBANG DAN MEMBOLEHKAN PENAMBAHBAIKAN PRODUK DILAKSANAKAN. PENYELIDIK BERFIKIRAN KRITIS DAN STRATEGIK DALAM PERANCANGAN. DAYA SAING YANG TINGGI DAN SEMANGAT UNTUK BERJAYA DAPAT DILIHAT DENGAN JELAS MELALUI PENINGKATAN PEMILIKAN GERAN PENYELIDIKAAN DAN KEJAYAAN CEMERLANG DALAM BERBAGAI PERTANDINGAN PRODUK PENYELIDIKAAN YANG DISERTAI DI DALAM DAN DI LUAR NEGARA.

6. SYABAS SAYA UCAPKAN KEPADA PENYELIDIK UTEM YANG TELAH MENGHARUMKAN NAMA UTEM MELALUI BERBAGAI AKTIVITI PENYELIDIKAAN DAN INOVASI DI PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA. PENYERTAAN UTEM DALAM MTE, ITEX, PECIPTA, IENA DAN LAIN-LAIN LAGI TELAH MEMBERI IMPAK YANG BAIK KEPADA BUDAYA PENYELIDIKAAN DI UTEM. KEJAYAAN CEMERLANG YANG DIPEROLEHI DIHARAP MENJADI INSPIRASI KEPADA SEMUA PELAJAR DAN PENYELIDIK UNTUK TERUS MEMPERTINGKATKAN KUALITI PRODUK HASIL PENYELIDIKAAN MEREKA.
7. SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI TEKNIKAL , KITA PERLU TINGKATKAN KERJASAMA DENGAN IPT LAIN DAN INDUSTRI YANG RELEVAN DEMI MEWUJUDKAN INTEGRASI DINAMIKA. BERSESUAIAN DENGAN TEMA UTEM TAHUNINI IAITU “TERUS BERTEKAD MENERAJUI KECEMERLANGAN” UTEM AKAN TERUS MENGAMALKAN NILAI KONGSI YANG BAIK, BERILTIZAM DAN MANTAP BERILMU DI SAMPING MEMPUNYAI DERIA MENDESAK UNTUK BERUBAH. AKTIVITI PENYELIDIKAAN DAN INOVASI SECARA KOLABORASI UNIK DAN STRATEGIK DITERUSKAN AGAR DAPAT MENJADIKAN UTEM SEBAGAI PERINTIS , TERKEHADAPAN DALAM BIDANG NIC TERFOKUS. KEUPAYAAN STAF DAN PELAJAR UTEM YANG

MEMPUNYAI SET MINDA HEBAT DAN BESAR SERTA KOMITMEN TINGGI AKAN MEMBERI IMPAK POSITIF KEPADA UTEM DI PERINGKAT NASIONAL, SERANTAU DAN GLOBAL, SETERUSNYA AKAN MEMBAWA KEPADA PEMBANGUNAN, KEMAJUAN DAN TRANSFORMASI NEGARA KE ARAH NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI.

8. KEPERCAYAAN PIHK INDUSTRI TERHADAP KEMAMPUAN PRODUK UTEM TERUS MENINGKAT. UTEM MEMPUNYAI REKOD BAIK MENGENAI PENGLIBATAN INDUSTRI DALAM KOLABORASI PENYELIDIKAN , SERTA PRODUK R&D YANG BERJAYA DIKOMERSILKAN.INI TERBIT HASIL DARIPADA KOMITMEN YANG TIDAK BERBELAH BAHAGI DIBERIKAN OLEH PENYELIDIK UTEM KERANA AKTIVITI PENGKOMERSILAN SUKAR DAN PENUH DUGAAN. NAMUN JIKA KITA SEMUA MEMBERI FOKUS , KITA YAKIN PENEMUAN DAN PENCIPTAAN BARU DAPAT TERUS DIKOMERSILKAN.
9. AKHIR KATA, TAHNIAH DAN SYABAS SAYA UCAPKAN KEPADA URUSETIA SERTA SEMUA JAWATANKUASA PELAKSANA UTEMEX ATAS INISIATIF DAN USAHA GIGIH DALAM MENJAYAKAN UTEMEX. SEMOGA SEGALA USAHA DAN TANGGUNGJAWAB YANG TELAH DISEMPURNAKAN AKAN MEMPEROLEH GANJARAN DAN DIBERKATI ALLAH SWT.

SEKIAN, TERIMA KASIH.